

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM  
(KOTA MELAKA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.10.2016**

**Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah masyarakat kaum Portugis yang dibenarkan melabur dalam Amanah Saham Bumiputra ( ASB ) :-

- (a) jumlah terkini mengikut setiap negeri dan syarat-syarat yang diperlukan oleh kaum Portugis untuk melabur dalam ASB; dan
- (b) apakah jumlah wang terkini keseluruhannya pelaburan kaum Portugis dalam ASB dan ASB 2, ASN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, warganegara Malaysia yang

berketurunan Portugis telah diberikan kelulusan khas untuk melabur di dalam unit-unit amanah di bawah pengurusan PNB termasuk ASB. Walau bagaimanapun, tiada maklumat bagi pecahan negeri dan kaum untuk skim ASB memandangkan semua pelabur dalam ASB termasuk kaum Portugis dikategorikan sebagai Bumiputera.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK (KUALA  
PILAH)**  
**TARIKH : 18 OKTOBER 2016**  
**SOALAN :**

**YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berdasarkan keadaan semasa nilai perubatan swasta yang dianggap sebagai pusat rawatan untuk mereka yang berpendapatan tinggi dengan kos rawatan yang tidak mesra rakyat terutama kepada mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah, apakah langkah pihak Kementerian dalam mengawal caj yang ada kalanya tidak munasabah serta tidak berpatutan dikenakan kepada pesakit. Apakah ada tindakan yang boleh diambil kepada pusat rawatan yang mengenakan caj yang melampau ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan

Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi. Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, KKM tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, *gauze* dan lain lain), caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan.

Kadar fi yang tidak dikawalselia oleh KKM seperti tersebut boleh berbeza-beza di antara satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain kerana beberapa faktor seperti kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta, kos pemasaran, pengendalian dan penyelenggaraan hospital serta perubatan yang ditentukan oleh harga pasaran.

Selain daripada itu, KKM sentiasa membuat pemantauan dan kawalselia ke atas fi perundingan dan fi profesional bagi prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta. Di antara mekanisme-mekanisme yang dijalankan KKM adalah memastikan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan disiasat; meminta hospital swasta mengadakan prosedur ketidakpuasan hati (*grievance procedure*) keatas aduan-aduan, memberi peringatan kepada hospital swasta supaya mematuhi fi profesional seperti dalam Jadual Ketiga Belas, membolehkan pesakit membuat pemantauan ke atas fi yang dikenakan

serta melaksanakan hak pesakit untuk mengetahui kos sebelum rawatan melalui '*financial counselling*' yang diadakan oleh pihak hospital swasta.

Ini adalah satu usaha oleh Kerajaan untuk mengawal kos rawatan di hospital swasta bertujuan untuk menjaga kebajikan rakyat.